

PERSEPSI BELIA TERHADAP ISU POLITIK DAN DASAR KERAJAAN MALAYSIA

JUNAIDI AWANG BESAR, MOHD FUAD MAT JALI, YAHAYA IBRAHIM,
KHAIDZIR HJ. ISMAIL, ABDUL HALIM SIDEK & NOOR AZIAH HJ. MOHD
AWAL

ABSTRAK

Belia merupakan golongan yang kritikal terhadap perkembangan isu semasa negara dan mempunyai kehendak yang tersendiri. Mereka mempunyai akses maklumat semasa yang luas, tidak terbatas kepada media perdana sahaja. Dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat masa kini seperti penggunaan internet dan telefon bimbit telah menggalakkan penyebaran maklumat tanpa sekatan. Penggunaan internet sebagai sumber maklumat merupakan fenomena global yang meluas, tanpa sempadan dan menembusi pelbagai bidang dan dianggap sebagai satu 'media baru' di kalangan rakyat terutamanya generasi muda. Aplikasi ruang siber melalui peranan media alternatif seperti blog, laman web, forum siber, you tube, email, face book, dan twitter dapat memperluas ruang bersuara sekaligus meningkatkan partisipasi dan mobilisasi sosial, politik dan demokrasi. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis kriteria pemilihan calon dan parti politik, persepsi terhadap isu politik semasa dan sokongan belia terhadap Kerajaan. Berdasarkan pemerhatian dan soal selidik hasil kajian mendapati bahawa 18.0 peratus belia menyatakan mereka memilih calon yang jujur dan amanah sebagai wakil mereka. Parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah) menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Hasil kajian dalam aspek pendapat politik belia menunjukkan bahawa 71.0 peratus di kalangan mereka (belia) menyokong peranan kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 66.1 peratus menyatakan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Dari aspek pentadbiran awam pula, 82.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan belia (73.9 peratus) dan 74.2 peratus responden menyatakan bahawa kepimpinan negara perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, 67.8 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berdasarkan transformasi dan pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri.

Kata kunci: *Belia, Akses Maklumat, Pemilihan Calon, Pendapat Politik, Indeks Petunjuk Prestasi*

ABSTRACT

Youth is critical group for the development of the country's current issues and has its own requirements. They have wide access to current information, not only confined to the mainstream media. With the development of information and communication technology today, such as internet and mobile phone usage has encouraged the dissemination of information without restriction. Uses of the internet as an information source is the widespread global phenomenon, without borders and penetrate various fields and is regarded as a 'new media' of the people especially the young generation. Cyberspace applications through alternative media such as blogs, websites, cyber forums, you tube, email, face book and twitter can expand the expression and increase participation and social mobilization, politics and democracy. Thus, this study aims to analyze the criteria for selection of candidates and political parties, perceptions of current political issues and support the youth for the Government. Based on observations and questionnaires, the study found that 18.0 percent of youth say they prefer candidates who are honest and trustworthy as their representative. Political party those champion humanitarian issues (transparency, justice, human rights and anti-corruption) was preferred their choice and political party shall not affect the personal issues during the campaign. The results in terms of political opinion shows that 71.0 percent of youths among youth to support the government's role in strengthening the youth development agenda of countries and 66.1 percent said the idea of "I Malaysia: People First, Performance Now" is supported, understood and manifested by the youth. From the aspect of public administration, 82.3 percent of respondents said the Key Performance Indicator (KPI) for all elected representatives and the Minister is good and influence public support for the government and the changes made by the leadership of Prime Minister in leading the development of the country continue to support youth (73.9 percent) and 74.2 percent of respondents stated that the country's leadership must be maintained because the results have been very good. Referring to the political parties will voted by respondent at the next general election, 67.8 percent of respondents would vote for BN based on the transformation and reforms introduced by the Prime Minister.

Keywords: *Youth, Access To Information, The Selection Of Candidates, Political Opinion, The Key Performance Indicator*

PENGENALAN

Belia atau generasi muda merupakan individu yang berumur di antara 15-40 tahun. Peringkat umur belia itu merupakan peringkat umur perubahan dari seorang yang bergantung (*dependent*) kepada seorang untuk berfikir dan bertindak kepada seorang yang bebas (*independent*). Belia juga merupakan peringkat di mana seseorang itu mula menghadapi cabaran yang memaksa ia membuat keputusan tentang kehidupannya. Peringkat umur belia dipenuhi dengan berbagai cabaran yang mengkehendaki setiap belia untuk bertindak. Dengan tenaga, keperluan

dan harapan (*expectation*) yang tinggi maka belia boleh mengubah bukan sahaja kehidupannya sendiri tetapi juga masyarakat dan persekitarannya. Jumlah warga muda penduduk dunia yang boleh dianggap belia adalah 18 peratus. Di Malaysia, dari segi unjuran demografi/kependudukan belia berdasarkan banci penduduk 2000, jumlah penduduk yang berumur antara 15 hingga 40 tahun pada tahun 1995 adalah 8.39 juta (41.80 peratus), dan pada tahun 2000 adalah 9.25 juta (41.24 peratus) iaitu sejumlah 60 peratus warga belia tersebut berada di kawasan luar bandar dengan 19 peratus daripada 26.13 juta (2005) penduduk di negara ini adalah belia yang berumur antara 15-25 tahun (Shaari 2001; Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2007). Sehubungan itu, persoalannya apakah kriteria pemilihan calon dan parti politik di kawasan kajian dan pendapat politik mereka berdasarkan senario semasa. Bagaimana pula dengan pengaruh keadaan politik semasa dan apakah isu yang dibangkitkan oleh belia dan sejauhmanakah ia mempengaruhi pilihan politik mereka dan akhirnya apakah parti politik yang menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak. Justeru, artikel ini akan memaparkan persepsi politik belia di kawasan terpilih. Justeru itulah antara persoalan yang cuba dipaparkan dan dijawab dalam kajian ini.

BELIA

Definisi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15-40 tahun yang mengambil kira skop di Malaysia. Walau bagaimanapun, umur ini adalah berbeza di pelbagai negara iaitu mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi belia ialah antara 15-24 tahun manakala menurut Kesatuan Negara-Negara Bekas Jajahan British atau Commonwealth pula antara 16-24 tahun. Istilah Belia menurut Kamus Dewan (1994) bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi.

Azizan (1995) menjelaskan definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas. Barangkali yang sesuai adalah antara 13 hingga 30 tahun. Ia adalah satu lingkungan umur yang sesuai dipanggil belia, walaupun masih terdapat beberapa hal yang berbeza daripada aspek tahap bersekolah, mencari kerja, memulakan kerjaya, berkenalan, mencari pasangan hidup, berumah tangga dan sebagainya. Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup. Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama (Mohd Ismail 2005). Dalam aspek politik, golongan muda merupakan lingkungan umur 21 tahun hingga 40 tahun. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun adalah layak sebagai pengundi.

Belia seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan belia dianggap

penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara berkenaan dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/PBB menganggap belia sebagai satu kelompok penting yang akan memainkan peranan utama sebagai agen untuk perubahan, pembangunan ekonomi dan juga penerimaan inovasi teknologi. Belia di seluruh dunia menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi tidak semestinya baik dan menguntungkan semua pihak. Globalisasi ada membawa kebaikan dan dalam masa yang sama ada juga kesan negatifnya terhadap masyarakat dunia. Di dalam konteks perkembangan media, globalisasi memberi satu peluang baru dari segi akses kepada media dan teknologi maklumat yang merangsang kebolehdapatan maklumat dengan meluas dan pantas. Cabaran pembangunan dunia sekarang ini tertumpu kepada k-ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Selaras dengan itu, negara yang ingin terus maju tidak dapat lari daripada menyediakan warganya menjadi masyarakat bermaklumat. Salah satu usaha yang perlu dilakukan adalah meningkatkan kemahiran warganya dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT yang akan menghasilkan belia yang inovatif dan menerima serta menguasai akses teknologi baru ini namun tidak terpengaruh dengan nilai, moral dan identiti budaya asing yang negatif (Samsudin 2008).

KAWASAN KAJIAN DAN DATA

Kawasan kajian yang dipilih merangkumi keseluruhan wilayah di Malaysia. Wilayah-wilayah tersebut ialah Wilayah Utara iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri/DUN Changkat Jering, Trong dan Kuala Sepetang (Perak), DUN Bukit Selambau (Kedah) dan DUN Permatang Pasir (Pulau Pinang); Wilayah Timur di DUN Batu Buruk, Ladang, Bandar dan Wakaf Mempelam (Terengganu); Wilayah Barat di DUN Hulu Bernam, Kuala Kubu Bharu dan Batang Kali (Selangor), DUN Meru (Selangor), DUN Ijok (Selangor), DUN Dengkil (Selangor) dan Parlimen Batu (Kuala Lumpur); Wilayah Selatan iaitu di DUN Bagan Pinang (Negeri Sembilan), DUN Maharani dan Sungai Balang (Johor), DUN Mengkibol dan Mahkota (Johor); dan Wilayah Sarawak/Borneo di DUN Opar, Batang Air, Satok, Padungan, Beting Maro, Meradong, Pakan, Bawang Assan, Kemena, Lambir, Bekenu dan Bukit Sari (Sarawak). Data primer diperolehi melalui kaedah soalselidik di kawasan-kawasan kajian terhadap 13,078 orang responden/belia yang layak mengundi yang berumur antara 21-40 tahun melalui satu set borang soal selidik yang dipilih secara rawak mudah bertujuan. Antara soalan yang ditanyakan ialah latarbelakang demografi, kriteria pemilihan calon dan parti politik; isu yang dibualkan; persepsi terhadap politik dan kepemimpinan negara dan menanyakan parti mana menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak. Soal selidik telah dilakukan antara tahun 2010-2011 oleh pembantu penyelidik (pembanci) yang terdiri daripada pelajar Sarjana yang telah dilatih dan diberi taklimat sebelum menjalankan soal selidik. Pengumpulan data sekunder dilakukan daripada penyelidikan di perpustakaan dan dokumen rasmi yang berkaitan. Data yang dikumpul dikoding dengan menggunakan perisian statistik SPSSx serta dianalisis melalui kaedah statistik deskriptif dan analisis *crosstab*/taburan silang.

PENDAPAT AWAM DAN POLITIK BELIA

Pendapat awam ditakrifkan sebagai perspektif awam atau pandangan umum tentang isu atau polisi yang akan dipertimbangkan oleh pegawai atau yang diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan (Mohd Hamdan 1995). Pendapat awam atau umum dinyatakan melalui beberapa cara, contohnya dalam penulisan kepada editor atau pegawai awam, mesyuarat, demonstrasi awam, rencana pengarang, keputusan pilihan raya, pertemuan dengan ahli Majlis, pungutan suara rakyat dan rancangan di media massa. Pendapat awam juga merujuk kepada pelbagai keadaan individu seperti menyuarakan diri mereka, bersuara, sebagai menyokong atau menolak/ membangkang beberapa keadaan yang pasti, perseorangan atau cadangan yang penting dalam kadar bilangan yang sesuai, perasaan dan ketetapan sehingga kemungkinan besar boleh menggerakkan tindakan, sama ada secara langsung atau sebaliknya terhadap objek berkenaan. Key (1961) mendefinisikan pendapat awam sebagai pendapat persendirian yang pihak kerajaan memberikan perhatian dengan berhati-hati. Oleh itu pendapat awam adalah pendapat yang dirujuk mengenai hal-hal awam dan kepentingan awam serta dipegang oleh masyarakat umum.

Kajian pendapat awam merupakan kajian yang popular untuk menganalisis persepsi politik belia. Grenfell (1979) adalah salah seorang pengkaji yang telah menjalankan pungutan pendapat di Malaysia pada awal tahun 1959 mengenai penggunaan media massa. Beliau mendapati pungutan pendapat awam berkembang dengan tertubuhnya indeks media pada tahun 1967. Kajian beliau juga dapat membuktikan bahawa media massa mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap pengundi, terutamanya yang tidak mempunyai tahap pendidikan yang baik, untuk menyokong parti yang berkempen melalui media massa tersebut. Gomez (1996) mengaitkan kemenangan BN dalam pilihan raya 1995 dengan empat faktor utama iaitu 4M (*Media, Money, Machinery & Mahathir*). Kesemua faktor tersebut dimiliki dan memihak kepada BN. Faktor tersebut memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah Malaysia sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi Malaysia dalam setiap pilihan raya yang lebih cenderung kepada sogokan pembangunan semata-mata. Faridah (1997) menyatakan golongan tentera mempunyai pandangan yang positif terhadap agenda dan perkembangan politik negara. Faktor sosioekonomi dan persekitaran mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera. Sementara itu, Norlaila (2000) yang mengkaji persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru di Daerah Sik, Kedah mendapati bahawa guru mempunyai persepsi positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi. Partisipasi politik guru Melayu di daerah Port Dickson juga tinggi dan mempengaruhi pola politik tempatan (Mohd Fuadi 2003).

Generasi muda telah dipengaruhi oleh unsur-unsur materialistik dan tidak berpegang kepada nilai-nilai yang baik. Ini adalah satu kemusnahan sosiobudaya masyarakat kita dan juga di kalangan pelajar/mahasiswa yang dianggap sebagai pewaris kepimpinan masa depan (Mohamad 1973). Pelajar aktif dalam aktiviti

ko-kurikulum namun mereka bimbang terhadap suasana kehidupan kampus dan masalah masyarakat persekitarannya. Penyertaan dalam pilihan raya kampus berfungsi sebagai pengalaman yang bermanfaat bagi persediaan pelajar untuk hidup sebagai warganegara dewasa yang matang (Mohd Fuad et al. 2005 & 2009; Ramírez et al. 2010; Ruitenberg et al. 2010). Pelajar berperanan penting dalam memberi idea dalam pembangunan negara dan berperanan dalam menentukan struktur politik negara (Saha & Print 2010). Aktivisme pelajar memberi sumbangan penting kepada perjuangan untuk menuntut demokrasi di Zimbabwe dan dibimbangi oleh pemerintah di negara tersebut (Zeilig 2008). Personaliti pelajar mempengaruhi aspek tingkah laku politik mereka seterusnya memberi kesan kepada senario politik di sesebuah negara (Baranowski & Weir 2010). Pengenalan format televisyen bukan berita seperti ceramah di TV dan rancangan realiti boleh menjadi sumber penting dalam wacana politik dan penglibatan politik di kalangan pelajar (Mondak & Halperin 2008).

Pelajar perubahan di Amerika Syarikat lebih cenderung untuk bersikap liberal dalam politik berbanding orang dewasa kerana mereka berfikir subjektif dan rasional dalam menilai sesuatu isu politik (Frank et al. 2007; Dunsmore & Lagos 2008). Di Bangladesh, kegiatan politik pelajar mempunyai kesan serius ke atas pengurusan institusi, sistem pendidikan, pembangunan negara dan perniagaan negara (Alam 2003; Alam et al. 2011). Di Korea Selatan, pelajar yang radikal organisasi sayap kiri berkecenderungan untuk menyertai aktiviti protes seterusnya mempengaruhi keputusan kerajaan dalam sesuatu polisi negara (Aie 1997). Faktor latar belakang sosial memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah aktivisme politik pelajar dan dikritik oleh orang awam dan oleh pelajar sendiri kerana ia menyumbang kepada ideologi revolusioner dan beberapa episod keganasan (Zaman et al. 2010). Selain itu, pelajar bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku politik kampus tetapi juga mampu menumbangkan kerajaan (Altbach 1968; Azizan 1995).

Mohd Fuad & Junaidi (2009) melalui kajian “Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan” dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 58.8 peratus menyatakan mereka memperoleh sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan New Straits Times. Terdapat 25.6 peratus menyertai parti politik sebagai ahli. 56.9 peratus menyatakan mereka suka memilih muka baru dalam kepimpinan negeri dan negara dan 52.9 peratus berpuas hati dengan keputusan pilihan raya umum 2008. Namun begitu, 65.6 peratus responden menyatakan mereka tidak gembira dengan pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Mereka yakin dengan kepimpinan kerajaan negeri tetapi tidak yakin dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri Selangor yang sedia ada yang dilihat lebih menguntungkan sesuatu pihak.

Kajian terhadap belia pasca PRU 2008 menunjukkan parti politik yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka dan

berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden/belia menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara (Junaidi et al. 2009a, 2009b, 2009c; Junaidi & Mohd Fuad 2010; Junaidi et al. 2010; Abdul Halim et al. 2010; Junaidi & Mohd Fuad 2011a, 2011b; Junaidi et al. 2011; Junaidi et al. 2012; Mohd Fuad & Junaidi 2011; Mohd Fuad & Junaidi 2012a, 2012b).

Amer Saifude et al. (2010) berpandangan pola sokongan yang berubah-ubah dalam setiap pilihan raya umum negara dan pola ayunan sokongan pengundi menunjukkan BN akan menang besar dalam PRU 13. Namun begitu faktor-faktor lain seperti isu tertentu dan suasana politik negara berupaya mengubah pola sokongan dalam pilihan raya. Ini bergantung kepada pihak BN untuk menyejukkan isu tertentu dan suasana politik untuk membantu kemenangan mereka. Sebaliknya, keupayaan pihak PR untuk memanipulasi isu tertentu atau menghangatkan suasana politik negara dan dapat memberi kelebihan kepada mereka dalam pilihan raya.

Keputusan PRU DUN Sarawak 2011 menunjukkan pola pengundian kaum Melayu/Melanau terus bertahan dengan sedikit peningkatan kepada Barisan Nasional (BN) namun bagi kaum Cina memperlihatkan sokongan mereka semakin meningkat kepada parti-parti pembangkang iaitu DAP dan PKR manakala bagi kaum Dayak (Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) pula menunjukkan berlaku sedikit kemerosotan terhadap sokongan kepada BN. Kepemimpinan negeri Sarawak dan penunaian keperluan pengundi menjadi faktor penting kepada pola pengundian dalam PRU DUN Sarawak 2011 (Junaidi et al. 2011). Sarjit et al. (2011) dalam kajian belia minoriti mendapati mereka masih lagi cenderung memilih dan memberi kepercayaan kepada BN sebagai parti pemerintah di peringkat pusat dan negeri. Namun begitu, belia etnik Baba Nyonya memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat (PR). Secara keseluruhannya, belia minoriti masih menerima agenda pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat/BN. Syarifah Nor Aishah & Amer Saifude (2011) mendapati majoriti golongan muda/belia Terengganu berminat melibatkan diri dalam politik. Sebahagian besar mereka mengambil berat tentang isu-isu semasa hari ini dan mereka mempunyai kesedaran dan berkecenderungan dalam politik. Golongan muda juga faham akan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia. Latar belakang keluarga, keperibadian, tahap akademik dan pengalaman dalam bidang politik diutamakan oleh golongan muda untuk memilih pemimpin mereka. Golongan muda di Terengganu juga berpuas hati dengan cara dan corak pentadbiran pihak Kerajaan Persekutuan.

PARAMETER PEMILIHAN CALON DAN PARTI POLITIK

Responden ditanya mengenai parameter/kriteria pemilihan calon. Secara dominannya, 18.0 peratus responden menyatakan kriteria utama pemilihan calon dibuat berdasarkan pemimpin yang jujur dan amanah. Belia juga mementingkan calon yang berjiwa/mesra rakyat dan bersih daripada rasuah (Lihat Jadual 1).

Jadual 1: Kriteria Pemimpin yang Disokong oleh Belia

Kriteria pemimpin yang disokong	(%)
Jujur dan amanah	18.0
Berjiwa/mesra rakyat	17.4
Bersih daripada rasuah	15.9
Mempunyai karisma dan ketokohan	13.3
Mementingkan perpaduan kaum dan agama	11.7
Pengetahuan agama yang mendalam	8.2
Kelayakan akademik yang tinggi (Berijazah)	5.1
Pemimpin tempatan	4.3
Sebangsa	4.3
Muda	1.8
JUMLAH	100

Belia inginkan pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab mewakili rakyat dengan mementingkan keperluan dan kehendak rakyat tanpa mementingkan diri sendiri dalam membuat sesuatu keputusan. Faktor tersebut digandingkan dengan personaliti kepimpinan dan mesra rakyat. Aspek kepimpinan dan personaliti pemimpin turut menjadi kriteria kepada pengundi untuk memilih pemimpin yang disokong iaitu pemimpin yang berwibawa, tegas, boleh berdebat dalam memperjuangkan isu/hak rakyat, berketerampilan, berpendidikan tinggi, serta berpengetahuan agama. Ciri-ciri tersebut dilihat oleh pengundi dapat menyerlahkan tokoh kepimpinan seseorang pemimpin yang mereka pilih di samping mempunyai personaliti yang baik. Personaliti yang baik bermaksud pemimpin tersebut mestilah bersikap terbuka, mudah ditemui, mesra rakyat dengan mengadakan lawatan atau ‘turun padang’ ke kawasan mereka. Mereka juga inginkan pemimpin yang senang mendampingi rakyat tanpa sebarang protokol yang menyukarkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah yang dihadapi oleh mereka. Responden juga mementingkan pemilihan pemimpin yang mempunyai kaliber dan berkarisma dengan kepetahan berucap serta berpengalaman dalam aktiviti kemasyarakatan baik melalui agensi Kerajaan mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pemimpin juga perlu mempunyai perancangan kemajuan masa depan dalam jangka masa panjang atau berwawasan serta bervisi. Pemimpin yang hebat ialah pemimpin yang kreatif dan berfikiran terkehadapan kerana pembangunan fizikal dan spiritual bersifat dinamik dan berubah mengikut peredaran zaman serta perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat. Dari sudut parti politik, pemimpin yang bakal dipilih perlulah seorang pemimpin yang boleh menang atau “*winnable candidate*” yang mempunyai ciri-ciri berkarisma, berpengetahuan tinggi, kreatif, dinamik, bekerja kuat, disenangi dan dapat menarik minat ahli parti dan juga orang awam, NGO, pegawai kerajaan, polis, tentera, veteran dan golongan atas pagar. Bagi parti politik pula, 19.1 peratus responden memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, rasuah, hak asasi), diikuti 16.8 peratus yang dapat memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Kriteria Parti Politik yang Dipilih oleh Belia

Kriteria parti politik yang dipilih	(%)
Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah)	19.1
Mampu memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan	16.8
Mampu memelihara agama dan bangsa	16.3
Memelihara perpaduan kaum	14.1
Mempunyai calon berwibawa, bersih & berpendidikan tinggi	13.5
Dapat menunaikan janji manifesto	8.4
Trek rekod yang baik	6.4
Alam sekitar	5.4
JUMLAH	100

Jika dilihat kepada kriteria pemilihan parti politik dengan merujuk kepada lokasi geografi responden, didapati majoriti responden di kawasan bandar memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan dan hak asasi. Ini berbeza dengan responden di kawasan luar bandar yang lebih mementingkan parti yang dapat memacu pembangunan dari aspek infrastruktur, kemudahan awam, ketersampaian, kemiskinan serta pembangunan tanah dan bandar dan dapat menyumbang aspek material kepada mereka. Kawasan bandar sudah terdapat kesemua kemudahan asas yang diperlukan seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, sekolah dan sebagainya berbanding kawasan luar bandar yang agak ketinggalan dari sudut kemudahan asas tersebut. Di kawasan bandar juga faktor ideologi, kepemimpinan dan isu semasa seperti isu ekonomi, rasuah, harga barangan, sistem penyampaian dan penyelenggaraan kemudahan awam merupakan kriteria utama penilaian pengundi terutamanya kaum Cina dalam memilih calon dan parti politik yang bertanding.

Parti politik perlu mendahulukan kehendak rakyat dengan memperjuangkan isu ketelusan, anti rasuah dan mementingkan hak asasi kerana hanya parti politik yang dipercayai dan berprinsip akan disokong rakyat dan terus menang dalam setiap pilihan raya yang mendatang. Rakyat juga mendokong demokrasi dan hak asasi kerana mereka akan lebih selesa jika pandangan mereka turut diambil kira oleh parti politik terutama dalam merangka manifesto parti dalam kempen pilihan raya kelak. Responden juga menyokong parti politik yang realistik dalam menjanjikan sesuatu perkara terutamanya perkara-perkara yang mementingkan rakyat dalam soal ekonomi mikro (ekonomi rakyat) yang berlegar pada isu harga barang, gaji minimum, bil elektrik dan air, kemudahan infrastruktur dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Parti politik juga perlu mengutamakan pemilihan calon yang berwibawa dan dilihat bersih serta tidak mengambil kesempatan untuk mengutamakan diri sendiri dan kaum kerabat semata-mata jika diberi peluang dipilih sebagai pemimpin kelak.

Isu semasa juga mempengaruhi perlakuan atau pemilihan calon dan parti politik di kalangan pengundi. Pendedahan kepelbagaian isu semasa sama ada di

peringkat nasional, lokal dan juga antarabangsa melalui media massa dan semasa berkempen memainkan peranan penting sebagai faktor pengubah menjelang pilihan raya. Parti politik atau pun calon yang pernah berkuasa perlu mempertahankan kedudukan mereka dengan menimbulkan dan menangkis isu-isu tertentu yang boleh menjamin kuasa mereka dapat dikekalkan. Bagi bakal calon pula mereka perlu mengatasi isu tersebut dengan bijaksana semasa mereka berkempen. Apa yang dimahukan oleh pengundi ialah bagaimana isu atau masalah tempatan atau rakyat yang disuarakan dapat diselesaikan atau dilaksanakan melalui program pembangunan. Kemampuan menunaikan projek pembangunan amat penting kerana ianya bersifat pembangunan fizikal yang boleh dilihat dibangunkan di kawasan mereka. Begitu juga dengan pembangunan kebajikan rakyat yang terus menerus dinikmati oleh pengundi miskin atau tidak berkemampuan serta penduduk setempat. Setiap projek pembangunan untuk rakyat dan kawasan dinilai oleh pengundi dan ianya akan menjadi rekod kepada wakil rakyat di kawasan tersebut.

Pengundi bebas membuat pilihan dan pilihan mereka masih dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menjadi parameter/kriteria mereka. Parameter tersebut amat penting diambil kira oleh calon dan parti politik yang bertanding dan bagaimana ianya dapat diserapkan ke dalam strategi memenangi hati pengundi. Walaupun pola perlakuan politik berubah mengikut keadaan persekitaran dan isu semasa tetapi parameter seperti kepimpinan dan personaliti calon, manifesto dan pelaksanaan pembangunan akan menjadi teras dalam membuat keputusan memilih calon dan parti politik. Apa yang penting ialah parameter pengundi mestilah selari atau sama seperti yang dipunyai oleh calon dan parti politik. Sekiranya tidak sama maka berlakulah pergeseran antara aspirasi pengundi, calon dan parti politik.

ISU YANG DIBINCANGKAN

Di Malaysia isu yang terpenting dibincangkan ialah ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Isu disampaikan melalui kempen sama ada melalui media cetak, elektronik mahupun secara langsung seperti ceramah dan rapat umum. Kempen adalah penting dalam setiap pilihan raya bagi menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi (Ranney, 1993). Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti politik dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Strategi kempen moden dilakukan melalui saluran media berbayar atau tidak berbayar untuk memastikan penonjolan calon yang terbaik. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi (Arnold 2003; Neilson & Spencer 2011). Rakyat mempercayai hanya parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan (Ahmad Atory 2010). Ini bermakna kempen calon pembangkang tidak boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan. Dalam pilihan raya kecil Lunas, Kedah pada tahun 2000, isu yang dibangkitkan semasa berkempen antaranya ialah penyelewengan, rasuah, kronisme, krisis keyakinan terhadap pemerintah,

kaum, agama, pembangunan masyarakat setempat, ekonomi dan sekolah wawasan (Ghazali & Mohd Rizal 2000). Isu-isu tersebut amat signifikan kecuali projek pembangunan segera kurang mempengaruhi pengundi. Sebaliknya dalam pilihan raya DUN di Sarawak 2001, pembangunan setempat menjadi isu atau agenda utama dalam tuntutan majoriti pengundi (Wan Abdul Rahman & Mohd Fuad 2003). Dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau pada tahun 1998, pembangunan juga dijadikan isu untuk menakutkan pengundi agar mengundi BN sekiranya tidak mahu pembangunan berjalan lembab atau disekat (Ahmadi 1998). Walau bagaimana pun isu ini tidak berkesan mempengaruhi pengundi untuk memilih BN dan PAS memenangi kawasan parlimen Arau. Di Britain, Parti Liberal lebih berjaya dalam pilihan raya kecil berbanding dengan pilihan raya umum dan kadangkala keputusannya diluar jangkaan (Harrop & Miller, 1990). Kebiasaannya isu atau kempen lebih terpusat dengan isu-isu semasa dan ia tidak dilihat sebagai penting sekiranya pilihan raya umum masih lama lagi.

Dalam kajian pasca PRU 2008, isu paling hangat dibincangkan belia ialah pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak (Lihat Jadual 3). Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasakan bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar. Masalah pekerjaan, kepimpinan, perumahan/petempatan dan rasuah juga menjadi topik perbualan harian belia.

Jadual 3: Isu yang Dibincangkan oleh Belia

Isu	(%)
Pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak	25.3
Rasuah/politik wang	13.9
Pekerjaan	13.6
Isu kepimpinan	11.9
Petempatan/perumahan	7.0
Alam sekitar	5.7
Kestabilan & perpaduan	5.1
Isu tanah	5.2
JUMLAH	100

PENDAPAT POLITIK BELIA

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, data pada Jadual 4 menunjukkan majoriti belia (83.7 peratus) menyatakan kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan generasi muda kurang menyokong kerajaan. Namun begitu, 71.0 peratus belia menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 82.3 peratus menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Seterusnya, 66.1 peratus belia

menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Namun terdapat segelintir belia yang tidak menyokong Kerajaan kerana berpendapat Kerajaan tidak menunaikan janji ketika kempen pilihan raya, dipinggirkan Kerajaan, situasi ekonomi yang tidak stabil kerana tidak ditangani Kerajaan dengan baik, kronisme dalam urusan kerajaan dan pemimpin yang kurang mendekati belia.

Jadual 4: Persetujuan Pendapat Politik Belia

Pernyataan	(%)
Kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan belia kurang menyokong kerajaan	83.7
Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik & mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan	82.3
Belia menilai semula apa yang disuarakan dalam sesuatu kempen pilihan raya parti-parti politik	81.2
Maklumat dari Internet/blog mempengaruhi kecenderungan politik belia	80.1
Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat/belia	73.9
Belia menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara	71.0
Belia menyokong kerajaan kerana peluang pekerjaan banyak diwujudkan dan membantu golongan miskin di bandar dan luar bandar	70.1
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	66.4
“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia	66.1
Keprihatinan kerajaan terhadap aspirasi, kebajikan dan pandangan belia menyebabkan belia menyokong kerajaan	64.7
Kepuasan terhadap pembangunan di kawasan tempat tinggal	57.1

Mengenai pendapat terhadap tahap prestasi kepimpinan, 74.2 peratus responden menyatakan prestasi kepimpinan di peringkat Nasional/Negara adalah baik. Persepsi tersebut membuktikan keyakinan responden terhadap Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak. Rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada Perdana Menteri kerana mereka yakin beliau dapat membela nasib rakyat melalui pelan transformasi pembangunan negara dengan meningkatkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kerajaan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Beberapa dasar yang diperkenalkan oleh beliau dilihat mengutamakan rakyat. Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Indeks Petunjuk Prestasi (KPI), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Model Ekonomi Baru (MEB), Model Politik Baru (MPB), Kedai Rakyat 1 Malaysia (KRIM), Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM), Bantuan Buku 1 Malaysia (BB1M), Bantuan untuk pelajar sekolah sebanyak RM 100, Program Pembangunan

Luar Bandar, Skim Rumah Pertamaku, Projek Perumahan 1 Malaysia (PR1MA), Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) dan Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (SARA 1 Malaysia) diterima oleh rakyat sebagai dasar yang mengutamakan kebajikan dan keperluan rakyat dalam jangka masa panjang.

BELIA DAN PILIHAN RAYA

Belia turut ditanya perkara berkaitan dengan pilihan raya. Mengenai pelaksanaan janji pilihan raya umum 2008 oleh wakil rakyat/Kerajaan, 45.2 peratus responden menyatakan bahawa hanya sebahagian sahaja perkara yang dijanjikan telah dilaksanakan manakala 10.5 peratus menyatakan janji pilihan raya umum 2008 telah dilaksanakan sepenuhnya, manakala 24.8 peratus menyatakan tidak pasti dan 19.5 peratus responden menyatakan janji pilihan raya tersebut belum dilaksanakan lagi. Seterusnya, belia turut ditanyakan parti politik yang dijangka menang pada pilihan raya umum ke-13 akan datang. Berdasarkan kepada persepsi mereka secara keseluruhannya menyatakan bahawa BN dapat mengekalkan kuasa berdasarkan kepada pencapaian semasa serta isu politik negara yang dilihat memberi kelebihan kepada BN. Kebanyakan daripada responden memilih parti BN sebagai pemenang kerana mereka menganggap parti BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpandapat bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai parti politik yang akan diundi oleh belia pada pilihan raya umum ke-13 akan datang, majoriti belia (67.8 peratus) menyatakan akan mengundi BN berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan BN dalam memacu kemajuan negara dan masyarakat selama ini. Faktor lain yang menyumbang kepada keyakinan belia kepada BN adalah disebabkan pengundi masih yakin terhadap BN dengan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan. Isu/sentimen yang dimainkan pembangkang tidak diterima baik pengundi. Keberkesanan jentera kempen BN yang cukup efektif berbanding jentera kempen pembangkang juga tidak boleh dinafikan lagi. Ini ditambah lagi dengan barisan calon BN yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Kesepakatan amat longgar di kalangan pembangkang juga menyumbang kepada sokongan padu kepada BN.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa belia mahukan calon yang jujur dan amanah serta parti politik yang dapat memperjuangkan isu kemanusiaan, ketelusan dan hak asasi. Mereka juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan sebahagian besarnya menyatakan bahawa gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Dari aspek

governans pula, majoriti menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan belia. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, belia menyatakan akan terus mengundi BN dan mereka menjangkakan BN akan terus menerajui Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Khaidzir Ismail. 2010. Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau, Kedah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 6(3): 46 - 56.
- Ahmad Atory Hussain. 2010. *YB oh YB: Antara peranan dan tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Aie, R. L. 1997. Exploration of the sources of student activism: The case of South Korea. *International Journal of Public Opinion Research*. 9(1): 48-65.
- Alam, G.M. 2003. *The impact of students' involvement in party politics on higher education in national development in Bangladesh*. Missouri, USA: The International University Press.
- Alam, G.H., Rabby, T.G., Boon, T.I., Khan, I. And Hoque, K.E. 2011. National development and student politics in Bangladesh. *African Journal of Business Management*. 5(15): 6044-6057.
- Altbach, P.G. 1968. *Students politics in Bombay*. London: Asia Publishing House.
- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. 2010. Pilihan Raya Umum Malaysia ke 13: Kecemerlangan Kerajaan atau Pembangkang?. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November 2011.
- Ahmadi Al-Aziz, 1998. *ARAU*, Kuala Lumpur: Usnie Publication.
- Arnold Puyuk. 2005. 'The 2004 Ba'Kelalan By. Election in Sarawak, East Malaysia: The Lun Bawang Factor and Whither Representative Democracy in Malaysia', in *Contemporary Southeast Asia*, 27, No.1: 64-79.

- Azizan Bahari. 1995. *Pergerakan belia: Persoalan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Baranowski, M., Weir, K. 2010. Power and politics in the classroom: The effect of student roles in simulations. *Journal of Political Science Education*. 6(3): 217-226.
- Dunsmore, K., Lagos, T.G. 2008. Politics, media and youth: Understanding political socialization via video production in secondary schools. *Learning, Media and Technology*. 33(1): 1-10.
- Faridah Shaari. 1997. *Kesedaran, sikap dan partisipasi politik anggota tentera Malaysia: Kajian kes di Kementerian Pertahanan Malaysia*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Frank, E., Carrera, J., Dharamsi, S. 2007. Political self-characterization of U.S. medical students. *Journal of General Internal Medicine*. 22(4): 514-517.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakob, 2000. Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, *Laporan Projek Penyelidikan*, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: tidak diterbitkan: 1-32.
- Gomez. E. T. 1996. *The Malaysian general elections: A report and commentary*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Grenfell, N. 1979. *Switch on: switch off, mass media audiences in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.
- Harrop, M. & Miller, W.L. 1990. *Elections and Voters*, London: Macmillan.
- Hasmin Aswan Mohamad. 2003. *Politik dan kakitangan awam: Perbandingan antara kakitangan awam negeri dan kakitangan awam persekutuan: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan*. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2007. *Fakta belia*. Putrajaya.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2009a. Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009(a): Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 10-12 November.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2009b. Pembangunan dan Pilihan Parti Politik: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 2-3 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2009c. Pola Politik Mengikut Kaum di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2010. Persepsi Terhadap Kepimpinan Nasional dan Kerajaan Negeri Selangor. *Seminar Bersama Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Universitas Indonesia (UI) "SEBUMI 3" 2010*. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 12-13 Oktober 2010.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. 2010. Politik Belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PK3PPSPP)*. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya. Anjuran Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. 20-21 Julai 2010.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2011a. Keperluan Belia dan Pendapat Politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3*. Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi UPSI. 8-10 Februari 2011
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2011b. Keperluan Pembangunan Sosioekonomi dan Pendapat Belia Terhadap Isu Semasa di Kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *International Conference of Humanities (INCoH) 2011*. Hotel Park Royal, Batu Feringghi, Pulau Pinang. Anjuran Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 14-16 Jun.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir & Ahi Sarok. 2011. Pola Pengundian Mengikut Etnik Dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak 2011. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November 2011.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. 2012a. Kriteria Pemilihan Calon dan Parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(4): 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2012b. Impak Akses Internet Terhadap Partisipasi Politik. *The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994. Kuala Lumpur.
- Key, V. O. 1961. *Public opinion and American democracy*. New York: Alfred A. Knopf Publisher.
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim, 2005. Minat, Aspirasi dan Pilihan Politik Belia IPT Malaysia dlm Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah & Rozmi Ismail (Pnyt.). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah Ke Hadapan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Hj. Ismail. 2009. Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1(6): 99-116.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2011. Persekitaran Bandar dan Pendapat Politik: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Kluang, Johor. *Seminar Internasional Serumpun Melayu 2011 (SERUMPUN 2011)*. Fakultas Ilmu Budaya (FIB), Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran FIB, UNHAS. dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.

- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012(a). Pendapat dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Jurnal E-Bangi*. 7(1): 50-63.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012(b). Persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(1): 23-32.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2012. Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(2): 88-97.
- Mohamad Fuadi Haji Hood. 2003. *Persepsi dan partisipasi politik guru Melayu: Satu kajian kes di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hamdan Hj Adnan. 1995. *Pendapat umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ismail Mustari. 2005. *Menjadi belia cemerlang*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mondak, J.J., Halperin, K.D. 2008. A framework for the study of personality and political behaviour. *British Journal of Political Science*. 38(2): 335-362.
- Muhammad Abu Bakar. 1973. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Neilson Ilan Mersat & Spencer Empading Sanggin. 2011. *Demokrasi di pinggiran. Kota Samarahan*: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Norlaila Bakar. 2000. *Persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru: Kajian kes di Daerah Sik, Kedah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pemerhatian dan soal selidik di Lapangan (Wilayah Utara iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri/DUN Changkat Jering, Trong dan Kuala Sepetang (Perak), DUN Bukit Selambau (Kedah) dan DUN Permatang Pasir (Pulau Pinang); Wilayah Timur di DUN Batu Buruk, Ladang, Bandar dan Wakaf Mempelam (Terengganu); Wilayah Barat di DUN Hulu Bernam, Kuala Kubu Bharu dan Batang Kali (Selangor), DUN Meru (Selangor), DUN Ijok (Selangor), DUN Dengkil (Selangor) dan Parlimen Batu (Kuala Lumpur); Wilayah Selatan iaitu di DUN Bagan Pinang (Negeri Sembilan),

- DUN Maharani dan Sungai Balang (Johor), DUN Mengkibol dan Mahkota (Johor); dan Wilayah Sarawak/Borneo di DUN Opar, Batang Air, Satok, Padungan, Beting Maro, Meradong, Pakan, Bawang Assan, Kemena, Lambir, Bekenu dan Bukit Sari (Sarawak). 2010-2011.
- Ranney, A. 1993. *Governing*, (Sixth Edition), New Jersey: Prentice-Hall International: 159-160.
- Ramírez, L.G., Martínez, J.C., Sánchez, F.A. 2010. Politics and youth in university life: A case study [Política y juventud en la vida universitaria: Un estudio de caso]. *Utopia y Praxis Latinoamericana*. 15(50): 71-90.
- Ruitenberg, C.W. 2010. Queer politics in schools: A Rancièrian reading. *Educational Philosophy and Theory*. 42(5-6): 618-634.
- Saha, L.J., Print, M. 2010. Student school elections and political engagement: A cradle of democracy?. *International Journal of Educational Research*. 49(1): 22-32.
- Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Nobaya Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah, Lee Yok Fee, Charanjit Kaur, Mohd Roslan Rosnon & Mohd Razali Harun. 2011. Persepsi dan Penerimaan Belia Minoriti terhadap Parti Pemerintah. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November 2011.
- Samsudin A. Rahim. 2008. *Media dan generasi muda*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia.
- Shaari Abdul Rahman. 2001. *Banci penduduk dan perumahan Malaysia: Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Negara.
- Syarifah Nor Aishah Syed Mahadzar & Amer Saifude Ghazali. 2011. Kelompok Muda Dalam Ruang Politik Negara: Satu Kajian Awal Di Terengganu. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali. 2003. Pilihan Raya DUN Sarawak 2001: Satu Analisis Ekonomi Politik. *Jebat, Bangi: Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 23-41.

- Zaman, Q., Atif, M., Shah, H., Ayub, G., Farooq, M. 2010. Key Factors which Cause the Anxiety among the University Students: A Case Study Based on an Event Happened in Peshawar Campus. *European Journal of Social Sciences*. 16(1): 87-96.
- Zeilig, L. 2008. Student politics and activism in Zimbabwe: The frustrated transition. *Journal of Asian and African Studies*. 43(2): 215-237.

Profil Penulis

Junaidi Awang Besar

Pensyarah

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

jab@ukm.my

Mohd Fuad Mat Jali

Profesor Madya

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

fuad@ukm.my

Yahaya Ibrahim

Profesor

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ya@ukm.my

Khaidzir Hj. Ismail

Profesor Madya

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

khaidzir@ukm.my

Abdul Halim Sidek

Profesor

Fakulti Undang-Undang (FUU)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Shah Alam, Selangor

datukhalim75@gmail.com

Noor Aziah Hj. Mohd Awal

Profesor

Fakulti Undang-Undang (FUU)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

naha@ukm.my